

## Bekalan makanan cukup, masyarakat tidak perlu pembelian panik

2020-03-22T15:40:54+08:00

oleh Hamzah Sanudin



**MENCUKUPI:** Arsanti memeriksa bekalan makanan untuk memastikan ia mencukupi.

**SEMPORNA:** Barang keperluan harian di daerah ini mencukupi dan masyarakat tidak perlu membuat pembelian panik dalam menghadapi wabak COVID-19.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Semporna Arsanti Abd Rasid berkata pihaknya sentiasa mengadakan pemantauan ketat bekalan barang keperluan di setiap pasar raya di daerah ini.

"Masyarakat di daerah ini tidak perlu membuat pembelian panik kerana pihak kami sentiasa memantau dan memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi di pasaran," katanya dalam kenyataan media di sini.

Beliau juga mengingatkan supaya peniaga tidak cuba untuk menaikkan harga dan menyorok barang terutamanya barang-barang keperluan harian.

"Kita akan mengambil tindakan tegas sekiranya didapati terdapat kesalahan berkenaan dan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

Menurutnya, sebarang aduan berkaitan bekalan, harga barang dan pembelian panik, orang awam boleh menghubungi Bilik Gerakan KPDNHEP Semporna di talian 089-782855.

"Orang awam juga dinasihatkan untuk membuat aduan sekiranya terdapat peniaga cuba menaikkan harga barang mereka dan jangan membuat pembelian panik kerana bekalan makanan sentiasa mencukupi," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/22/bekalan-makanan-cukup-masyarakat-tidak-perlu-pembelian-panik>

